

GOMBAK: Lebih 2,000 penduduk di kawasan rumah pangsa Taman Samudera Batu Caves, dekat sini, dilanda kebimbangan berikutan peningkatan kes demam denggi sejak beberapa bulan lalu.

Sehubungan itu, penduduk meminta pihak berkuasa menjalankan kerja bagi mencegah pembiakan nyamuk aedes yang menjadi punca penularan penyakit berkenaan di kawasan itu.

Penduduk, Zainal Mat Jusoh, 51, berkata pihak berkenaan perlu mengambil tindakan segera sebelum bencana yang lebih besar termasuk kematian berlaku di situ.

“Setakat ini, belum ada penduduk yang meninggal dunia disebabkan demam denggi, tetapi takkanlah nak tunggu sampai terjadi kematian baru nak bertindak.”

“Sebelum pilihan raya umum baru-baru ini, calon di kawasan ini juga pernah menabur janji akan menyelesaikan masalah kami namun hingga saat ini tiada apa-apa yang dilakukan,” katanya kepada Harian Metro.

Zainal yang bekerja sebagai pemandu bas pelancong berkata, setiap malam tidur tidak lena kerana diganggu nyamuk, malah apabila pagi dia terpaksa menyapu ubat di badan dan muka empat anaknya kerana merah kesan gigitan nyamuk.

Semalam, Harian Metro yang melakukan tinjauan bersama Jawatankuasa Sosial Kawasan Batu Caves mendapati kawasan sekitar enam blok di rumah pangsa Taman Samudera itu terlalu semak dengan sampah-sarap.

Malah, saluran air najis melimpah dan longkang di kawasan berkenaan turut di-

2,000 diancam denggi

H.M. 20/06/08 11/56

Penduduk rumah pangsa Taman Samudera minta pihak berkuasa basmi pembiakan nyamuk



Setakat ini, belum ada penduduk yang meninggal dunia disebabkan demam denggi, tetapi takkanlah nak tunggu sampai terjadi kematian baru nak bertindak”

>>Zainal Mat Jusoh
Penghuni

penuhi sampah-sarap dan takungan air yang kemungkinan menyumbang kepada peningkatan kes demam denggi di situ.

Ahli Jawatankuasa Sosial Kawasan Batu Caves, M Megan, 30, berkata pada bulan lalu saja sebanyak enam kes



demam denggi dikesan di kawasan itu.

Menurutnya, seorang murid tahun lima antara mangsa yang dimasukkan ke hospital kerana demam denggi.

Penduduk, P Rajesh, 24, pula berkata kawasan rumah penduduk di situ diibaratkan seperti sarang tikus dengan sampah-sarap berselerakan di merata tempat termasuk dalam longkang hingga saluran tersumbat.



JIIJK...Megan menunjukkan saluran najis yang tersumbat.